

Peringatan

... antara ... dengan ... (✓)

... antara ... dan ... (✗)

(b) Para pelajar perlu tekun berusaha untuk berjaya *dalam* pelajaran. (✓)Para pelajar perlu tekun berusaha untuk berjaya *di dalam* pelajaran. (✗)(c) Kejayaan saya selama ini adalah *atas* dorongan kuat daripada ibu bapa. (✓)Kejayaan saya selama ini adalah *di atas* dorongan kuat daripada ibu bapa. (✗)**Peringatan**

Tidak boleh menggunakan dua kata sendi secara serentak.

Contoh:

Salah	Betul
selain dari itu	selain itu
selain daripada itu	selain itu
sejak dari	sejak/dari
demi untuk	demi/untuk
hingga ke	hingga/ke

**Latihan Pengukuhan**

A. Pilih jawapan yang paling sesuai.

1. Mereka suka bersiar-siar di taman itu (di, pada) waktu petang sahaja.
2. Pegawai itu bekerja dengan (tekun, tekunnya) dari pagi hingga senja.
3. Pemandu teksi itu membelok keretanya (dari, daripada) Jalan Surian ke Jalan Mahogani.
4. Jauhkan sikap malas (dari, daripada) diri kamu jika mahu berjaya dalam kehidupan.
5. Mereka selalu berbincang (terhadap, tentang) kejujuran gadis itu membantu nenek.
6. Oleh (sebab, kerana) kesuntukan masa, kami membatalkan hasrat untuk menziarahinya.
7. Apabila sampai (di, ke) sana, jangan lupa untuk menelefon saya nanti.
8. Kami amat sayang (akan, tentang) Ciqun, kucing peliharaan di rumah kami itu.
9. Jauhilah diri kalian (dari, daripada) najis dadah demi masa depan yang lebih baik.
10. Perlakuan kamu itu sangat buruk dan salah (dari, daripada) aspek kemanusiaan.